

PPIB UMS teruskan kolaboratif menyusul Program The Scholars SIKK Penjara

UB 02.06.2022 P.03

KOTAKINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) akan meneruskan kolaboratif dengan pelbagai institusi lain menyusul kejayaan Program The Scholars dengan Sekolah Integriti Kota Kinabalu (SIKK) Jabatan Penjara.

Dekan PPIB Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr Lai Yew Meng, berkata kolaboratif perlu diteruskan dalam pelbagai bentuk pelaksanaan bagi meningkatkan mutu penyelidikan dan khidmat masyarakat universiti itu.

“Diharapkan agar kolaboratif yang terjalin beserta percambahan ilmu yang telah dilaksanakan tidak berhenti selepas program di SIKK,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di

Majlis Graduasi Program The Scholars 2022 SIKK bagi menandakan berakhirnya program rintis berkenaan yang dilaksanakan sekumpulan penyelidik dari universiti itu.

Program enam minggu yang diketuai Dr Esther Jawing itu telah melibatkan pembinaan Modul Sains dan Matematik sebagai bahan pembelajaran kalangan penghuni SIKK dalam menjalani pemulihan yang berkesan.

Dr Lai menegaskan perspektif pendidikan yang lebih luas harus disediakan kepada golongan muda dalam institusi penjara bagi mengukuhkan keperibadian untuk kembali berintegrasi bersama masyarakat.

“Majlis ini juga dengan sendirinya menandakan

kejayaan penghuni SIKK melengkapkan tugas dengan jayanya dalam program pembelajaran yang diberikan selama enam minggu,” katanya.

Hadir sama Pengarah Pengurusan Banduan KP Haji Ajidin Bin Haji Salleh, Pengarah Penjara Pusat Kota Kinabalu PPK Teyun Thian Ein, Timbalan Dekan PPIB Prof Madya Dr Halina Sandera Mohd Yakin dan Pengerusi Libatsama dan Jaringan Komuniti (Organisasi Luar) PPIB Dr Budi Anto Mohd Tamring.

Dalam pelaksanaan penyelidikan yang melibatkan Program Pemin-dahan Pengetahuan itu, Dr Esther dibantu kalangan penyelidik beberapa fakulti di UMS dan guru-guru SIKK.